



27 Disember 2021
27 December 2021
P.U. (A) 482

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI AKTIVITI
PERNIAGAAN LABUAN (KEHENDAK BAGI SYARIKAT
PERDAGANGAN KOMODITI ANTARABANGSA
LABUAN) 2021

*LABUAN BUSINESS ACTIVITY TAX (REQUIREMENTS FOR
LABUAN INTERNATIONAL COMMODITY TRADING
COMPANY) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

PERATURAN-PERATURAN CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (KEHENDAK BAGI SYARIKAT PERDAGANGAN KOMODITI ANTARABANGSA LABUAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 21(1)(a) dibaca bersama perenggan 2B(1)(b) Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan) 2021**.

(2) Subperaturan 3(1) disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020.

(3) Subperaturan 3(2) dan 3(3) disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti yang layak” ertinya perdagangan produk fizikal dan instrumen terbitan yang berkaitan berhubung dengan—

- (a) petroleum dan produk berkaitan petroleum termasuk gas asli cecair;
- (b) galian;
- (c) produk pertanian;
- (d) bahan mentah yang ditapis;
- (e) bahan kimia;
- (f) galian asas; atau
- (g) arang batu;

“Insentif Global bagi Perdagangan” ertinya program insentif bagi suatu Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan untuk menggunakan Malaysia sebagai pangkalan perdagangan antarabangsa bagi menjalankan suatu aktiviti yang layak;

“Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan” ertinya suatu syarikat Labuan yang—

- (a) diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*];
- (b) dilesenkan di bawah seksyen 92 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*];
- (c) mengekalkan pejabat berdaftar di Labuan tetapi dibenarkan menjalankan pejabat operasi perniagaannya di mana-mana dalam Malaysia; dan
- (d) menjalankan aktiviti yang layak di bawah program Insentif Global bagi Perdagangan;

“syarikat berkaitan” ertinya syarikat yang disifatkan sebagai berkaitan di antara satu sama lain mengikut seksyen 4 Akta Syarikat Labuan 1990.

Kehendak bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan

3. (1) Suatu Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan yang merupakan suatu entiti Labuan yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan Labuan hendaklah dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) mempunyai sekurang-kurangnya tiga pekerja sepenuh masa; dan
- (b) mempunyai perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya tiga juta ringgit (RM3,000,000.00).

(2) Jika Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan mempunyai tidak lebih daripada lima syarikat berkaitan bagi menjalankan aktiviti yang layak, Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan itu hendaklah—

- (a) mempunyai tidak kurang daripada tiga pekerja sepenuh masa termasuk sekurang-kurangnya dua daripada mereka adalah pekerja sepenuh masa di pejabat operasi perniagaannya di Labuan dalam satu kumpulan syarikat; dan
- (b) melakukan perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya tiga juta ringgit (RM3,000,000.00) di Malaysia termasuk sekurang-kurangnya satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) daripadanya dilakukan di Labuan bagi setiap syarikat.

(3) Tertakluk kepada subperaturan (2), jika Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan mempunyai lebih daripada lima syarikat berkaitan bagi menjalankan aktiviti yang layak, Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan itu hendaklah juga mempunyai tambahan satu pekerja sepenuh masa di pejabat operasi perniagaannya di Labuan bagi setiap penambahan sehingga lima syarikat berkaitan dalam suatu kumpulan syarikat.

(4) Bagi maksud Peraturan ini, syarikat disifatkan dalam kumpulan yang sama jika—

- (a) dua atau lebih syarikat adalah syarikat berkaitan;
- (b) suatu syarikat adalah berkaitan sedemikian dengan suatu syarikat lain yang juga berkaitan sedemikian dengan suatu syarikat ketiga;
- (c) orang yang sama memegang lebih daripada lima puluh peratus saham masing-masing dalam dua atau lebih syarikat; atau